

# Elak sikap munafik, amal kesederhanaan

## ragam & pengajaran

Oleh HASHNAN ABDULLAH  
agama@utusan.com.my

**M**ANUSIA sememangnya tidak boleh dibiarkan menjadi penentu dalam segala hal kehidupan di atas muka bumi ini.

Selain memiliki akal yang terbatas, manusia juga mudah terpengaruh dengan gaya hidup hedonisme dan sikap individualistik.

Banyak bukti menunjukkan tindakan seseorang manusia terhadap sesuatu isu bukan kerana melindungi hak awam tetapi lebih kepada kepentingan diri atau ideologi sendiri.


Antaranya, pelaksanaan hak asasi manusia. Sikap tersebut menyebabkan pelaksanaan hak itu bukan hanya menjadi huru-hara bahkan banyak perkara yang sepatutnya dihindari, sukar untuk dibendung.

Jika diteliti terhadap beberapa isu hak asasi manusia yang diuar-uarkan selama ini lebih bersifat individualisme dan materialisme, bukannya demi kepentingan umum atau majoriti masyarakat.

“Umum mengetahui bahawa konsep hak asasi manusia itu didukung oleh negara-negara Barat tetapi jika diperhatikan dengan teliti, mereka bukan hanya melanggar tetapi tidak melaksanakan konsep tersebut dengan saksama.

“Contohnya, pengharaman Burkini di Perancis, pengiktirafan golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT), perkahwinan sejenis, keganasan Israel di Palestin, insiden Charlie Hebdo dan banyak lagi,” kata **Dr. Murni Wan Mohd. Nor** pada Halaqah Bicara Wasatiyyah 2017 di Putrajaya, baru-baru ini.

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) itu membentangkan kertas kerjanya bertajuk, ‘*Hak Asasi Barat: Agenda dan Hipokrasinya.*’



TEKUN... Antara peserta yang hadir pada Halaqah Bicara Wasatiyyah 2017 di Putrajaya, baru-baru ini.



MURNI WAN  
MOHD. NOR

Yang turut hadir, Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdullah Md. Zin dan Pengarah Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Datuk Mohd. Yusof Din.

### TAHU SALAH TAPI DEGIL

Mengulas lanjut, Murni berpendapat, Barat sendiri sedar kepincangan tersebut tetapi mereka tetap menyebarkannya kerana mempunyai agenda tersembunyi.

Ini kerana, rata-rata pelaksanaan mana-mana hak asasi manusia akan dikuatkuasakan tanpa sebarang persoalan jika ia tidak mengganggu kuasa politik, penguasaan ekonomi dan kepentingan mereka.

“Begitu ironis kerana negara-negara Barat yang kononnya mengemukakan dan menegaskan prinsip hak asasi manusia ‘sejagat’ tetapi hakikatnya, apa yang diamalkan selama ini adalah bertentangan dengan

prinsip asas hak asasi manusia sejagat,” katanya.

Sehubungan itu, Murni memberitahu prinsip yang mencorakkan konsep hak asasi manusia itu perlu berganjak jauh daripada aspek individualisme dan materialisme.

Sebaliknya, beliau menambah, semua harus kembali kepada fitrah manusia yang mempunyai kecenderungan kuat untuk mencari Tuhan dan menyembah-Nya.

Sebagai orang Islam, kita perlu merujuk kepada panduan terbaik, iaitu al-Quran dan sunah Nabi SAW supaya semua aspek kehidupan mengikuti syariah Islam, termasuk konsep hak asasi manusia yang bakal dilaksanakan.

“Lagipun pada pendapat saya, konsep hak asasi Barat memberikan terlalu banyak penekanan terhadap akal manusia, sedangkan akal manusia mempunyai keterbatasan tertentu,” katanya.

### INSAFI KESILAPAN SENDIRI

Namun begitu, Murni turut mengingatkan umat Islam agar

tidak begitu senang mengkritik amalan negara-negara Barat itu tanpa melihat kepada kelemahan dan kekurangan diri sendiri.

Ini supaya, kita tidak begitu mudah terjerat ke dalam perangkap hipokrit atau munafik, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah as-Saff, ayat 2-3 iaitu: “*Wahai orang yang beriman! Mengapa kamu memperkata apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah jika kamu memperkata sesuatu yang kamu tidak melakukannya.*”

Kita perlu bertanggungjawab dalam memperjuang hak asasi manusia dan melaksanakannya dengan ikhlas atau seakan-akan kita dapat melihat Allah SWT.

Untuk mencapai darjat mulia ini, nafsu tidak boleh menguasai tingkah laku manusia kerana ia boleh mendorong seseorang melakukan kejahatan dan kezaliman.

“Apabila kita mencerminkan sifat-sifat positif yang dianjurkan dalam agama, hak asasi manusia akan dilaksanakan dengan bertanggungjawab, bersederhana, adil serta membawa kepada kebahagiaan yang berkekalan,” katanya.